

PROSEDUR PENSIJILAN VHM

- 1.** Terima Borang Permohonan (AP/DVS/VHM) beserta dokumen sokongan.
- 2.** Lantik seorang pegawai bagi menjalankan audit dokumen.
- 3.** Pegawai Audit periksa dan semak borang permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi keperluan minima VHM.
- 4.** Sekretariat Skim Pensijilan DVS akan menghubungi pemohon sekiranya memerlukan maklumat atau dokumen tambahan yang berkaitan.
- 5.** Lantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit keakuratan.
- 6.** Audit keakuratan dijalankan merangkumi audit dokumen, QAP, GMP dan HACCP, dan audit lapangan.
- 7.** Pegawai Audit menyedia dan bentang laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS untuk pertimbangan.
- 8.** Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS buat keputusan setelah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS.
- 9.** Pemohon yang lulus akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. VHM dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.